

# Pengaruh Yahudi

11 M 23 APR 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

SEPANG 22 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kekuatan pengaruh masyarakat Yahudi di Amerika Syarikat (AS) dan rangkaianannya yang begitu terancang di seluruh dunia menyebabkan keganasan Israel ke atas Palestin sukar ditamatkan.

Sambil menolak faktor simpati atas kesengsaraan bangsa Yahudi semasa kekejaman Nazi sebagai punca keengganan AS memberi tekanan ke atas rejim Tel Aviv itu, beliau menekankan penguasaan para pelobi Yahudi dalam sistem demokrasi AS telah menentukan dasar negara itu.

Perdana Menteri membangkitkan bahu walaupun terdapat hanya ada enam juta orang Yahudi di AS, mereka bersatu dan bekerjasama sehingga dapat menentukan siapa yang akan memenangi pilihan raya negara itu.

Katanya, keadaan ini berbeza dengan lebih 1.3 bilion umat Islam di dunia termasuk di AS yang berpecah belah sehingga sepanjang masa kekuatan dihabiskan dengan bertelagah sesama sendiri.

“Orang Yahudi sangat berkuasa sehingga boleh menentukan siapa yang patut memenangi pilihan raya biarpun ia dijalankan menerusi proses demokrasi. Dan tidak ada sesiapa yang berani menentang orang Yahudi,” katanya.

## Mengkritik

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sekembalinya dari lawatan kerja seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain di sini hari ini.

Dr. Mahathir menarik perhatian semasa beliau membuat kenyataan mengkritik penyangak mata wang George Soros yang merupakan seorang Yahudi, seluruh dunia Yahudi menghentamnya.

# terancang — PM

“Rangkaian mereka begitu baik sehingga boleh merencanakan tindakan politik secara berkesan,” katanya.

Malangnya, menurut Perdana Menteri, dunia Islam yang merangkumi lebih 1.3 bilion orang tidak mampu membina keamatan seperti itu.

Beliau kecewa kerana tidak ada kerajaan Islam yang boleh bekerjasama dengan kerajaan Islam lain sebaliknya sentiasa bertelagah sehingga melemahkan mereka.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada agenda keamanan di Timur Tengah akan menjadi topik utama pertemuan beliau dengan Presiden George W. Bush bulan depan, mengakui akan menimbulkan perkara itu.

“Yalah... kita bolehlah cakap sikit. Tapi apa ada pengaruh kita,” jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, soal Palestin timbul dalam pertemuannya dengan pemimpin Maghribi, Libya dan Bahrain.

“Di ketiga-tiga tempat perasaan marah amat sangat terhadap Israel dan kecewa dengan AS yang ternampak jelas menyokong walaupun di Jenin, beratus-ratus orang Palestin jelas dibunuh oleh tentera Israel.

“(Keganasan) mereka termasuk merobohkan rumah semasa penduduk masih di dalamnya. Ini adalah satu keganasan luar biasa dan tidak berpersi kemanusiaan,” katanya.

## Kekejaman

Beliau kesal kerana orang Yahudi yang dahulu merayu simpati daripada dunia kerana dibunuh oleh pihak nazi Jerman, sekarang ini melakukan kekejaman yang lebih daripada itu.

Dr. Mahathir turut menyelar Bush yang menggelar Perdana Menteri Israel Ariel Sharon sebagai ‘pencinta keamanan’.

“Kalau Sharon adalah pencinta keamanan maka semua anggota pengebom berani juga boleh dianggap begitu,” katanya.

Sementara itu mengulas mengenai lawatannya ke tiga negara, Perdana Menteri menganggapnya sebagai kejayaan berdasarkan sambutan baik yang diterima daripada pemimpin dan ahli perniagaan negara terbabit.

Malah, di Bahrain, katanya, kerajaan negara itu memberikan kawasan seluas 6.8 hektar untuk Malaysia mengadakan pusat pameran perdagangan.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan menyeru pelabur dan pedagang Malaysia mengambil kesempatan meneroka peluang perniagaan dan mendapat projek di ketiga-tiga negara tersebut.

“Kerajaan telah membuka jalan dan membina hubungan dengan kerajaan serta mendapatkan sokongan mereka, jadi terpulung kepada sektor swasta untuk bekerja keras,” katanya.